

Newspaper	Sinar Harian
Date	8/5/2013

Tsunami Cina atau gelombang

Sinar Harian - 8/5/2013

RISWANDI RAZAK

KEPUTUSAN Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) menyaksikan Barisan Nasional (BN) berjaya mengekalkan kuasa di Putrajaya dan Pakatan Rakyat (PR) berjaya mengekalkan tiga negeri iaitu Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang.

DAP antara parti yang cemerlang dengan berjaya menambah 10 kerusi Parlimen dari 28 kerusi pada PRU12, kepada 38.

MCA pula mengalami kemerosotan sebanyak tujuh kerusi Parlimen berbanding 15 pada 2008, manakala Gerakan gagal mendapat sebarang kerusi.

Namun, adakah penolakan secara ketara pengundi Cina ini boleh membuktikan keputusan PRU kali ini tsunami Cina?

Penganalisis politik, Datuk Dr Mohammad Agus Yusoff mempunyai pandangan yang berbeza.

Katanya, apa yang berlaku pada PRU13 menunjukkan bukan sahaja kebangkitan masyarakat Cina, tetapi kebangkitan seluruh rakyat Malaysia.

Beliau menggesa semua pihak agar menghentikan tindakan meniupkan api perkauman dalam politik di negara ini.

"Yang jelas pada saya, PRU13 merupakan gelombang kedua tsunami rakyat, dari bandar, semi bandar, desa, golongan muda, kelas menengah dan lain-lain, yang bangkit untuk menuntut pembentukan kerajaan bersih, adil dan bertanggungjawab kepada semua rakyat.

Analisis BERITA

"Keputusan PRU13 menunjukkan tsunami rakyat Malaysia dan tiada kaitan dengan perkauman orang Cina atau sikap rasis DAP," katanya

dalam entri di Facebook beliau.

Pada PRU13, dari semua 222 kerusi Parlimen BN menang 133, kurang tujuh kerusi berbanding 2008. PR pula menang 89, meningkat tujuh kerusi dari PRU 2008.

Kerusi yang mencatat majoriti tertinggi adalah di Parlimen Seputeh di mana calon DAP, Teresa Kok berjaya memperolehi undi majoriti sebanyak 51,552.

Manakala, undi majoriti terendah adalah di Dun Kiulu, Sabah iaitu sebanyak 44 majoriti undi yang dimenangi oleh calon BN, Joniston Lumai @ Bangkuai.

Jika dilihat secara keseluruhan, pola pengundi pada PRU13 serupa seperti PRU, 2008 di mana BN masih lagi sukar digugat di Pahang, Perlis, Sabah dan Sarawak.

Manakala, PR pula kekal kuat di Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan, selain mempunyai sokongan yang bertambah di beberapa negeri.

Pengundi Cina masih lagi kekal berpihak kepada PR berbanding BN seperti 2008 dan pengundi Melayu pula masih terbahagi kepada dua iaitu BN dan PR.

Keputusan PRU13 kali ini boleh dikatakan sebagai penanda aras kepada parti-parti politik untuk menilai jumlah sokongan pengundi mereka sebagai persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).